

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' HAJI CHE ABDULLAH BIN MAT NAWI  
[ TUMPAT ]**

**TARIKH : 19.3.2019 (SELASA)**

**SOALAN NO. 28**

**Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [ Tumpat ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan langkah Kerajaan bagi memastikan isu guru duka lara dapat diselesaikan dan statistik kes yang berjaya diselesaikan bagi permohonan kemasukan ke negeri Kelantan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa berusaha bagi memastikan isu guru duka lara dapat diselesaikan. Walau bagaimanapun isu guru duka lara akan terus wujud kerana urusan perpindahan tempat kerja oleh pasangan guru atau guru-guru baharu yang mendirikan rumah tangga sentiasa berlaku sepanjang tahun. KPM akan memberi keutamaan kepada permohonan bagi alasan untuk mengikut pasangan, selain turut mempertimbangkan juga kelulusan bagi kes-kes lain seperti kes sakit kronik dan kes ancaman keselamatan. Kelulusan pertukaran guru juga bergantung kepada (3) tiga perkara utama, iaitu Keperluan Perkhidmatan, Kekosongan Jawatan dan Keperluan Opsyen di negeri yang dimohon.

Dalam membuat pertimbangan terhadap keputusan kelulusan pertukaran guru, Jawatankuasa Pertukaran Guru berpandangan bahawa kebajikan dan kepentingan pembelajaran murid perlu diambil kira dan diberi keutamaan. KPM dalam perancangan menawarkan penempatan semula (redeployment) kepada pasangannya guru yang terpisah dengan

menemukan mereka ke negeri yang mempunyai kekosongan jawatan bagi mengurangkan isu guru duka lara. KPM turut meningkatkan Wajaran Pertukaran guru yang terpisah daripada 30 mata kepada 40 mata atas dasar mesra keluarga.

Jumlah keseluruhan permohonan pertukaran guru SMK dan sekolah rendah ke negeri Kelantan bagi tahun 2016 adalah sebanyak 5,275 yang mana 236 permohonan telah diluluskan bertukar (termasuk 145 permohonan kes duka lara). Bagi tahun 2017 pula, terdapat 5,260 permohonan pertukaran ke negeri Kelantan dan sebanyak 1,019 permohonan yang telah diluluskan (termasuk 420 permohonan kes duka lara). Manakala bagi tahun 2018 sebanyak 5,613 permohonan diterima dan sebanyak 324 permohonan yang telah diluluskan (termasuk 114 permohonan kes duka lara) bertukar pada sesi Jun 2018. Sebanyak 380 permohonan telah diluluskan (termasuk 83 permohonan kes duka lara) bertukar pada sesi Januari 2019.

Secara keseluruhannya, dalam tempoh 1 Januari 2016 sehingga 1 Januari 2019, KPM telah meluluskan pertukaran seramai 14,511 orang guru mengikut pasangan.

Sekian, terima kasih

RJM 38